

SH 8/7/2018 m/s 21

APMM bersama agensi berkaitan perangi pengeboman ikan

KOTA KINABALU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Sabah bersama agensi berkaitan akan terus memerangi aktiviti pengeboman ikan, yang didapati dilakukan beberapa pihak ketika aktiviti menangkap ikan.

Pengarah Maritim Sabah, Laksamana Muda Maritim Kamaruszaman Abu Hassan berkata, pihaknya akan meneruskan pemantauan dan operasi khas yang dilakukan di perairan Kota Belud, Mantanani dan Pulau Gaya sejak Mei,

berikutan aduan dan maklumat risikan mengenai kegiatan mengebom ikan yang dilakukan di kawasan berkenaan.

“Aktiviti itu juga didapati dilakukan pendarang tanpa izin dan penempatan mereka yang melakukan juga telah dikenal pasti,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kamaruszaman berkata, APMM juga akan terus bekerjasama dengan ESSCOM dengan menggerakkan aset dan anggota agar usaha benteras aktiviti itu lancar. - *Bernama*